From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 31 July, 2022 4:28:49 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kunjungan Hormat Semantan Capital Intai Peluang Kerjasama

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 JULAI 2022 / 2 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KUNJUNGAN HORMAT SEMANTAN CAPITAL INTAI PELUANG KERJASAMA



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah hari ini telah menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Semantan Capital Sdn. Bhd., Tan Sri Mohd Ibrahim Mohd Zain di Bilik

Mesyuarat Naib Canselor.

Kehadiran beliau itu turut disertai Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang dan Ketua Pegawai Eksekutif ABS Global, Sheldon Lahra.

Pada pertemuan itu, Sheldon telah memperkenalkan salah satu anak syarikat ABS Global iaitu ABS Innovation Sdn. Bhd. yang merupakan rakan kerjasama Semantan Capital dalam rangka untuk mengadakan kolaborasi dengan UUM memfokus kepada transformasi pertanian melibatkan penggunaan teknologi terkini.

Sementara itu, Haim Hilman berkata, walaupun konsep yang dibawa ABS Innovation itu bagus dan menarik perhatian, namun beliau mahu melihat terlebih dahulu hala tuju kolaborasi tersebut bagi tempoh jangka panjang.

Memandangkan universiti ini ingin melahirkan ramai usahawan berjaya pada masa hadapan terutama dalam bidang pertanian, beliau mahu melihat peluang kolaborasi yang boleh diwujudkan menerusi idea yang dibentangkan itu.

"Saya mahukan kerjasama yang mana organisasi tersebut turut berhasrat untuk bersama-sama membina universiti ini dalam melahirkan pelajar yang holistik dan pada masa sama pelajar dan juga pensyarah di sini menikmati manfaat hasil kolaborasi itu.

"Di samping itu, komuniti setempat juga memperoleh manfaat daripada kerjasama strategik antara UUM dengan Semantan Capital mahupun ABS Innovation dalam membangunkan sosioekonomi rakyat, seterusnya membantu ekonomi negeri," katanya.

Beliau juga turut mengalukan pihak industri untuk mengadakan temuduga melibatkan pelajar UUM yang berpotensi untuk diambil bekerja di organisasi tersebut.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.